



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH PULAU PINANG**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR 2010
BAHASA MELAYU**

02/1

Kertas 1
Ogos 2010

1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Soalan-soalan dalam semua bahagian mempunyai empat pilihan jawapan.*
4. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

[Lihat halaman Sebelah

Soalan 1 - 7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawaban yang paling sesuai.

- 1 Kami masih dalam perjalanan ke rumahnya _____ hujan turun.
 - A sementara
 - B setelah
 - C kalau
 - D tatkala

- 2 Suasana _____ menyelubungi kampung itu pada waktu subuh.
 - A ceria
 - B bening
 - C senyap
 - D lengang

- 3 Rumah kos rendah itu dibina _____ mereka yang berpendapatan rendah.
 - A terhadap
 - B untuk
 - C oleh
 - D kepada

- 4 Sebelum pergi ke sekolah setiap pagi, saya akan _____ adik kecil saya yang berusia empat bulan hingga dia ketawa.
- A menepuk-nepuk
 - B mengacah-ngacah
 - C mengusap-usap
 - D mengagah-agah
- 5 Buah yang disimpan lama akan menjadi _____ dan tidak boleh dimakan.
- A magang
 - B masak
 - C ranum
 - D matang

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



- 6 Seorang lelaki tua kelihatan _____ mengayuh sebuah beca.
- A terkial-kial
 - B terenjut-enjut
 - C terkapai-kapai
 - D terhuyung-hayang
- 7 Mak Limah akan _____ perkara lama apabila dia naik marah.
- A mengungkit-ungkit
 - B membebel-bebel
 - C mengingat-ingat
 - D mengenang-ngenang

Soalan 8 - 14

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 8 Segelas susu yang terhidang di ruang tamu itu adalah untuk adik. Tiada kesalahan.
A B C D
- 9 Jika diamati betul-betul, kita akan dapat melihat perbezaan warna mata antara Lili dan adik kembarnya. Tiada kesalahan.
A B
C D
- 10 Setengah pelajar hanya mengulang kaji pelajaran pada saat-saat akhir menjelang peperiksaan tanpa sedar akan keburukannya. Tiada kesalahan.
A B
C D
- 11 Zaleha memasukkan telur kuning ke dalam adunan kek untuk menambahkan keenakan kek tersebut. Tiada kesalahan.
A B C
D
- 12 Dia tidak mahu menceritakan apa-apa tentang pergaduhan itu walaupun dipaksa oleh guru disiplin yang garang itu. Tiada kesalahan.
A B
C D
- 13 Bulan Penghayatan Kemerdekaan dilancarkan di semua sekolah untuk meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar. Tiada kesalahan.
A B
C D
- 14 Pelancong dari Sweden itu terpukau dengan hasil lukisan batik yang diiilhamkan oleh pelajar-pelajar Jurusan Seni di Universiti Sains Malaysia. Tiada kesalahan.
A B C
D

Soalan 15 - 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 15
- I Gulai yang dimasak oleh Nisah mula *meruap-ruap* ketika mendidih.
 - II Semangat Akil kembali *meruap-ruap* untuk mengalahkan lawannya pada perlawanan kali kedua esok.
 - III Kemarahan ibu *meruap-ruap* apabila kakak masih belum bangun daripada tidur walaupun jam menghampiri pukul 11.00 pagi.
 - IV Penjenayah itu *meruap-ruap* cuba melepaskan diri apabila diberkas oleh pihak polis.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 16
- I Baju adik menjadi *susut* selepas dibasuh beberapa kali.
 - II Badan ayah semakin *susut* sejak ayah jatuh sakit.
 - III Belakangan ini, air di empangan semakin *susut* ekoran musim kemarau.
 - IV Kejatuhan harga getah telah *susut* pendapatan orang kampung.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

- 17 I Ibu melarang saya memetik buah mangga kerana buah mangga itu masih *mentah-mentah* lagi.
- II Nasi yang ditanak itu *mentah-mentah* kerana dapur kehabisan gas.
- III Ulam pegaga sangat berkhasiat dan boleh dimakan *mentah-mentah*.
- IV Saadiyah menolak lamaran Ahmad *mentah-mentah* kerana dia sudah mempunyai kekasih.
- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 18 - 21

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mempunyai kesalahan dalam penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mempunyai kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 18 Beban tugas yang berat tidak tertanggung oleh saya.
- A bertanggung saya
 - B saya menanggung
 - C saya bertanggung
 - D bertanggung oleh saya
- 19 Atan memberi Ali kehormatan menjadi ketua persidangan.
- A memberikan Ali penghormatan
 - B memberikan Ali kehormatan
 - C memberi Ali penghormatan
 - D memberi Ali kehormatan
- 20 Bawalah berbincang jika sekiranya timbul apa masalah.
- A sekiranya timbul apa masalah.
 - B jika sekiranya timbul apa masalah.
 - C sekiranya timbul apa-apa masalah.
 - D jika sekiranya timbul apa masalah.
- 21 "Sila menegur mana yang silap kerana kami ini masih pelatih," kata Azura.
- A Sila tegur mana yang silap
 - B Sila tegur mana-mana yang silap
 - C Sila menegur mana-mana yang silap
 - D Sila menegur mana yang silap.

Soalan 22 - 24

Pilih ayat-ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 22 **Kejayaan Anuar Manan memenangi pertandingan Le Tour de Langkawi 2010 didorong oleh semangat untuk mengharumkan nama negara.**
- A Pertandingan Le Tour de Langkawi 2010 dimenangi oleh Anuar Manan untuk menaikkan semangat demi mengharumkan nama negara.
 - B Keharuman nama negara telah mendorong semangat Anuar Manan untuk memenangi pertandingan Le Tour de Langkawi 2010 itu dengan jayanya.
 - C Keinginan yang kuat untuk menaikkan nama negara telah mendorong Anuar Manan menguasai kejohanan Le Tour de Langkawi 2010.
 - D Semangat Anuar Manan untuk mengharumkan nama negara telah mendorong beliau memenangi pertandingan Le Tour de Langkawi 2010 dengan jayanya.
- 23 **Sedang dia keseorangan, dia mendengar ketukan yang bertalu-talu di pintu rumahnya sehingga menyebabkan dia ketakutan.**
- A Apabila dia mendengar ketukan yang berturut-turut di pintu rumahnya, dia keseorangan dan ketakutan.
 - B Sewaktu pintu rumahnya diketuk bertalu-talu, dia berasa seram dan keseorangan.
 - C Sedang dia ketakutan kerana keseorangan, dia mendengar pintu rumahnya diketuk tidak putus-putus.
 - D Dia yang keseorangan berasa seram apabila mendengar pintu rumahnya diketuk berkali-kali.
- 24 **“Wah, sungguh cantik baju-baju yang dijual ini!” kata Anis kepada kawan-kawannya.**
- A Anis memuji kecantikan baju-baju yang dijual itu kepada kawan-kawannya.
 - B Dengan perasaan hairan, Anis mengatakan kepada rakan-rakannya bahawa baju yang dijual itu sangat cantik.
 - C Anis memberitahu kawan-kawannya bahawa dia terpegun melihat baju-baju yang dijual itu.
 - D Dengan perasaan kagum, Anis memberitahu sahabat-sahabatnya tentang kecantikan baju-baju yang dijual itu.

Soalan 25 - 27

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 25 I Sultan menamai tempat itu Tanjung Keling.
II Sungai Perak mengalir dengan tenangnya.
III Ibu dibuatkan secawan kopi oleh Aminah.
IV Suhu tubuhnya meningkat dari 37°C kepada 39°C.
- A I dan II sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 26 I Kedua-dua orang sahabat itu saling bersalaman setelah lama tidak bertemu.
II Bintang-bintang di langit berkerlipan pada malam yang syahdu itu.
III Baju sekolah saya belum berbasuh lagi walaupun terendam selama dua hari.
IV Sukri membeli lima biji jagung rebus untuk adik-adiknya.
- A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C II dan IV sahaja
D III dan IV sahaja
- 27 I Kamal main bola sepak dengan kawan yang sedarjah dengannya.
II Saya memang suka akan buah durian yang berisi tebal.
III Joyah bertandang ke rumah jirannya sejak awal pagi lagi.
IV Aziz tidak menjalani latihan bola sepak pada petang ini kerana dia tidak sihat.
- A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C II dan IV sahaja
D III dan IV sahaja

Soalan 28 - 30

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

- 28 Puan Lakshmi berasa tertipu kerana barang yang dibelinya itu tidaklah seperti yang diiklankan di televisyen. Hal ini dikatakan...
- A indah khabar dari rupa.
 - B biar papa asalkan bergaya.
 - C menanam tebu di tepi bibir.
 - D alah membeli menang memakai.

Biduk lalu kiambang bertaut

- 29 Maksud yang paling sesuai dengan peribahasa di atas ialah
- A apabila pembuat angkara tiada, orang yang bergaduh berbaik-baik semula.
 - B orang yang mementingkan diri dan tidak suka berpakat.
 - C pergaduhan antara adik-beradik akhirnya akan berbaik-baik semula.
 - D walau ke mana-mana kita pergi, akhirnya akan kembali ke tempat asal.
- 30 Oleh sebab Aminah tidak dapat mengambil bahagian dalam pertandingan pantun, maka peserta simpanan terpaksa mengambil tempatnya untuk menyertai pertandingan pantun pada peringkat sekolah. Pepatah ada mengatakan...
- A tiada rotan akar pun berguna.
 - B ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya.
 - C sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi.
 - D sediakan payung sebelum hujan.

Soalan 31 - 35

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pagi itu terasa amat lama dia menunggu kesampaian Cikgu Fatimah. Dia berazam untuk mengucapkan selamat Hari Guru yang pertama sekali kepada Cikgu Fatimah. Dan dia juga merupakan orang yang pertama sekali menyampaikan hadiah Hari Guru kepadanya. Akan tetapi hatinya berdebar-debar. Apakah Cikgu Fatimah akan menghargai hadiahnya nanti?

"Selamat Hari Guru, cikgu. Sudilah terima hadiah daripada saya yang tidak sepertinya," kata Ramli sambil menghulurkan satu bungkusan kepada Cikgu Fatimah sebaik sahaja dia keluar dari pintu kereta.

"Eh! Ramli, apa yang disusah-susahkan ini? Terima kasihlah kerana ingatkan cikgu," kata Cikgu Fatimah sambil menerima hadiah itu dan menghulurkan begnya kepada Ramli.

"Terima kasih kembali, cikgu!" balas Ramli sambil beredar dari situ.

"Tengok Ramli tu, dia yang mula-mula beri hadiah pada Cikgu Fatimah. Apa yang diberinya tu entahlah," sindir rakan sedarjahnya kepada rakan di sebelahnya apabila dia masuk ke dalam darjah.

Ramli hanya tunduk, terharu.

Ketika Cikgu Fatimah masuk ke darjahnya pagi itu, murid-murid berebut-rebut mendapatkannya, mengucapkan selamat Hari Guru sambil memberi hadiah. Benar apa yang berlaku seperti yang digambarkan oleh Ramli ketika berjalan ke rumah Pak Mustaffa semalam. Bungkusan-bungkusan hadiah mereka itu cantik-cantik, berbalut dengan kertas berbunga, tentu harganya mahal.

Ramli seorang sahaja yang duduk di mejanya di belakang darjah itu. Dia mengeluarkan sehelai kertas dan melukis sesuatu, sementara rakan-rakannya selesai menyampaikan ucapan dan hadiah masing-masing.

Seorang rakan sedarjahnya yang paling nakal datang menghampirinya setelah menyerahkan sebungkus hadiah yang besar kepada Cikgu Fatimah. "Apa yang kau lukis tu, Ramli?" tanyanya.

Rakan-rakannya berkerumun melihat lukisannya.

"Heee! Apa yang dilihat tu?" tanya Cikgu Fatimah.

"Nah! Ambillah sayang, intan payung, manja Cikgu Fatimah," ejek Sazali sambil melayangkan kertas itu kepada Ramli.

(Dipetik daripada Cerpen *Hadiah Hari Guru*, karya Rejab F.I.
antologi *Sehijau Warna Daun*, Tingkatan 1,
Dewan Bahasa Dan Pustaka)

- 31 Kenapakah hati Ramli berdebar-debar ketika menunggu ketibaan Cikgu Fatimah?
- A Ramli bimbang Cikgu Fatimah akan datang lewat.
 - B Ramli bimbang Cikgu Fatimah tidak menerima hadiahnya.
 - C Ramli bimbang Cikgu Fatimah tidak menghargai hadiahnya.
 - D Ramli tidak tahu cara untuk menyerahkan hadiah tersebut kepada Cikgu Fatimah.

- 32 Antara berikut, yang manakah *bukan* tujuan Ramli menunggu ketibaan Cikgu Fatimah pada pagi itu?
- A Ramli ingin menolong mengangkat beg gurunya itu.
 - B Ramli ingin membuktikan kepada Cikgu Fatimah bahawa dia selalu datang awal.
 - C Ramli ingin menjadi orang pertama yang menyerahkan hadiah Hari Guru kepada gurunya itu.
 - D Ramli ingin menjadi orang pertama yang mengucapkan Selamat Hari Guru kepada Cikgu Fatimah.
- 33 Pernyataan di bawah adalah benar tentang Cikgu Fatimah *kecuali*
- A Guru yang telah banyak membantu Ramli.
 - B Guru yang paling banyak menerima hadiah pada hari itu.
 - C Guru yang prihatin terhadap para pelajarinya.
 - D Guru yang suka menerima hadiah daripada pelajarinya.
- 34 Apakah pengajaran yang dapat diperoleh daripada cerpen?
- A Kita hendaklah membantu pelajar yang miskin sahaja.
 - B Kita hendaklah menyayangi pelajar yang baik sahaja.
 - C Kita hendaklah menghargai pemberian seseorang tanpa mengira nilainya.
 - D Kita hendaklah memberikan hadiah kepada guru sebagai tanda terima kasih.
- 35 Berdasarkan petikan cerpen, nyatakan latar tempat yang tepat.
- A Bilik darjah Ramli
 - B Bilik pengetua
 - C Bilik Ramli
 - D Bilik guru

Soalan 36 hingga 40

Baca syair di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

SYAIR MUNGKIR JANJI

Tuan berjanji berpegang tangan,
Mengaku bersama menyingsing lengan,
Tidak peduli tegah dan jangan,
Umpama sungai tiada berhalangan.

Tetapi akhirnya apalah sudah,
Beberapa lama tangan menadah,
Rupanya tuan meluahkan ludah,
Umpama biawak bercabang lidah.

Tidakkah ingat tuan berkata
Mahu bersama hina dan leta,
Daripada *hidup berputih mata*,
Biarlah tulang tercampak ke kota.

Tidak kusangka tuan tak ingat,
Umpama lebah membuang sengat,
Bila terasa api yang hangat,
Lekas benar tuan merengat.

Kalau begitu aku berpesan,
Riwayat kita hapuskan kesan,
Supaya tidak berhati bosan,
Hilang segala resah dan resan.

(Dipetik daripada antologi
Seuntai Kata untuk Dirasa, Tingkatan 2,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- 36 Ungkapan *hidup berputih mata* dalam rangkap ketiga syair ini bermaksud
- A mati.
 - B buta.
 - C tewas.
 - D kecewa.

- 37 Semua perkara yang berikut adalah benar tentang tuan kecuali
- A takut akan mati.
 - B cepat melupakan janji.
 - C memberikan harapan palsu.
 - D tidak ikhlas dalam persahabatan.
- 38 Pada pendapat anda, apakah perkataan yang terbaik untuk menerangkan perasaan penyair?
- A sedih.
 - B gusar.
 - C hampa.
 - D bimbang.

Tuan berjanji berpegang tangan,
Mengaku bersama menyingsing lengan,

- 39 Berdasarkan baris-baris syair di atas, penyair mempersoalkan nilai
- A kesetiaan tuan.
 - B ketulusan tuan.
 - C kepatuhan tuan.
 - D keikhlasan tuan.
- 40 Tema syair ini ialah
- A cabaran dalam persahabatan.
 - B keburukan tidak menepati janji.
 - C kelakuan manusia yang boleh diharap.
 - D sikap buruk sahabat yang mungkir janji.

KERTAS SOALAN TAMAT